

13/10/1997

Tindakan media asing dibantah

IPOH, Ahad - Badan Perhubungan Umno dan Barisan Nasional (BN) Perak membantah sekeras-kerasnya tindakan media massa asing yang cuba memburuk serta memecah belahkan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pengerusinya, yang juga Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata mesyuarat kedua-dua badan itu hari ini turut mengutuk kegiatan memanipulasi pasaran mata wang negara yang menyebabkan nilai ringgit terjejas teruk dan penurunan mendadak di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Apabila perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab itu dikritik, golongan berkenaan termasuk media asing, tokoh luar serta konco-konconya menyerang hebat Perdana Menteri.

"Kritikan mereka jelas bukan sahaja bertujuan menggugat kestabilan ekonomi negara, tetapi turut berniat jahat mahu memecah belahkan kepimpinan Dr Mahathir dan timbalannya.

"Oleh itu, kita membantah sekeras-kerasnya tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri di sini, kelmarin.

Beliau selepas itu memengerusikan mesyuarat BN negeri.

Semua ketua bahagian Umno dan pemimpin parti komponen BN negeri hadir di mesyuarat itu.

Baru-baru ini beberapa media asing, termasuk akhbar dan majalah mempersoalkan kewibawaan Perdana Menteri dalam menangani krisis mata wang yang melanda negara.

Ada di antara media asing terbabit turut menyarankan Dr Mahathir meletakkan jawatan berikutan krisis mata wang sekarang.

Media asing terbabit turut melagakan Dr Mahathir dengan timbalannya, untuk mewujudkan perpecahan pucuk tertinggi negara.

(END)